

19 MAR 1996

PM LANCAR PETA IMTGT

LANGKAWI, 19 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Peta Pertumbuhan Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMTGT).

Peta itu, yang dihasilkan Persatuan Pelancong Malaysia, Indonesia dan Thailand (MITTAS), mengandungi semua bandar utama setiap negeri dan wilayah dalam pertumbuhan segitiga itu. MITTAS ditubuhkan pada 1981.

Bagi Malaysia negeri-negeri terlibat ialah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan manakala wilayah Indonesia ialah Medan dan Aceh. Sebanyak 14 wilayah di Thailand diliputi dalam kerjasama itu.

Pengerusi MITTAS, Syed Mohamed Aidid berkata peta itu akan menyediakan pelbagai maklumat mengenai tempat-tempat yang diliputi dalam pertumbuhan segitiga itu.

Sebanyak 10,000 naskah peta itu telah dicetak. Peta itu boleh didapati secara percuma dari pusat-pusat maklumat pelancongan milik kerajaan.

"Peta ini sebahagian program MITTAS untuk mempromosi IMTGT terutama yang ada kaitan dengan sektor pelancongan," kata Syed Aidid. -- Bernama.

ZAA AHH